



KAMPUNG Parit Mahang, Ijok, Kuala Selangor merupakan antara kawasan yang dinaiki air selepas hujan lebat melanda negara kebelakangan ini. -BERNAMA

Bahaya tanah runtuh dan banjir lumpur

DI NEGARA kita, jika hujan lebat turun berterusan beberapa jam, banyak kawasan menghadapi risiko bencana sama ada banjir kilat, banjir lumpur atau tanah runtuh. Jika kawasan itu berbukit, risiko berlaku tanah runtuh dan banjir lumpur sangat tinggi. Malah, segala apa yang ada di kawasan tanah tinggi akan turun sama, kadang-kadang lebih laju daripada air. Jika hujan lebat berlaku di kawasan lembah, banjir boleh berlaku.

Biasanya, pada November dan Disember, hujan turun di seluruh negara tidak kira waktu. Amaran berjaga-jaga tentang kemungkinan banjir juga sering kita dengar setiap kali tibanya dua bulan terakhir setiap tahun ini kerana perubahan Monsun Barat Daya ke Monsun Timur Laut biasanya membawa hujan lebat dan berpanjangan di kebanyakan negeri.

Kejadian banjir lumpur dan tanah runtuh yang berlaku di kilometer 52.5 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak Khamis lepas dikaitkan dengan hujan lebat yang berlaku di kawasan tersebut.

Sejak 1982 sehingga 2015, sudah berlaku 11 kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur di Karak. Tiga daripada kejadian tersebut berlaku antara kilometer 52 hingga kilometer 53.3. Daripada 11 kejadian terse-



**M. JASNI
MAJED**

but, sembilan daripadanya berlaku pada November dan Disember.

Kejadian ini sekali lagi membuka mata pelbagai pihak untuk mencari punca berlakunya bencana tersebut walaupun pada asasnya berkait rapat dengan hujan lebat. Jika air dan lumpur sahaja yang melimpah, mungkin tidak membawa persoalan yang besar, tetapi apabila ada kayu-kayu balak dan batu-batu besar bergelimpangan di sana-sini ekoran kejadian tersebut, maka muncullah pelbagai persepsi tentang puncanya.

Ada pihak yang mengaitkannya dengan pembalakan haram di kawasan berhampiran manakala ada yang menafikannya. Apa-apapun, kejadian seperti ini sedikit-sebanyak memberi kesan kepada orang ramai terutama kepada pengguna jalan raya yang kerap menggunakan laluan tersebut untuk ke destinasi masing-masing.

Jika berada di laluan tersebut ketika hujan lebat, tentu pengguna jalan raya berasa risau dan takut berlaku sesuatu yang tidak

Sejak 1982 sehingga 2015, sudah berlaku 11 kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur di Karak. Tiga daripada kejadian tersebut berlaku antara kilometer 52 hingga kilometer 53.3.

diingini kerana pelbagai kejadian sebelum ini tentu masih diingati oleh mereka. Siapa yang tidak bimbang jika memandu dalam keadaan di kiri kanan jalan diapit oleh bukit, dengan bongkah-bongkah batu dan pokok-pokok yang besar merimbun dan meliuk-liuk dituip angin.

Selain terperangkap dalam kesesakan, risiko maut dan cedera tidak boleh dipandang ringan. Pada 1995, 21 orang terkorban manakala 23 orang cedera akibat tanah runtuh ketika hujan lebat di persimpangan Karak di jalan susur menghala ke Genting Highlands.

Tidak kira apa pun puncanya, keselamatan perlu dijalankan untuk mengenal pasti punca kejadian tanah runtuh baru-baru ini. Jika kejadian itu berpunca daripada pembalakan yang tidak terkawal, tindakan tegas dan pantas mesti diambil un-

tuk menangani masalah tersebut supaya kejadian sama tidak berulang. Malah, pemantauan secara berterusan mesti dilakukan jika benar kejadian itu berpunca daripada aktiviti haram tersebut.

Jika berpunca daripada aspek lain iaitu kegagalan cerun bukit, kaedah-kaedah tertentu mesti dicari untuk menampung beban tanah, batu dan tumbuh-tumbuhan supaya tidak berlaku runtuhan terutama apabila hujan lebat. Jika tidak pun, usaha untuk meminimumkan bahaya kepada orang ramai mesti difikirkan.

Aktivis masyarakat Tan Sri Lam Thye, menerusi sebuah stesen televisyen tempatan baru-baru ini menyuarakan pendapatnya agar pemeriksaan mengejut dilakukan di kawasan-kawasan tanah tinggi untuk mengurangkan risiko banjir lumpur dan tanah runtuh. Oleh itu, pelbagai pihak yang terbabit dengan kawasan tanah tinggi terutamanya yang berhampiran dengan kawasan penempatan dan jalan raya mesti mengambil langkah proaktif demi kebaikan bersama.

Dalam soal ini, pemantauan secara berterusan akan dapat memastikan keselamatan dan jaminan dari segi keselesaan kepada pelbagai pihak, penduduk di sesuatu kawasan malah kepada pengguna jalan raya.